

UiTM (Terengganu) Mangkin Keusahawanan Pelajar

Dikenali sebagai kampus peranginan, UiTM (Terengganu) satu-satunya kampus cawangan UiTM yang terletak berhadapan dengan Laut China Selatan dan dikelilingi oleh tasik dan kawasan sekitaran yang menghijau. Dengan kedudukan yang betul-betul berada di belah kaki Bukit Bauk, UiTM (Terengganu) mempunyai lokasi dan pemandangan yang lebih menarik berbanding dengan kampus cawangan yang lain.

Setelah 41 tahun ditubuhkan, UiTM (Terengganu) meraih pelbagai kejayaan dan pengiktirafan. Bersempena dengan Persidangan Siswazah (GraCe) 2016 yang akan diadakan pada 5 hingga 6 November 2016 di Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu, UiTM (Terengganu) menganjurkan majlis prapelancongan bagi program ini.

Dalam majlis ini, Editor *Dewan Kosmik* mewawancarai Profesor Madya Dr. Abdul Samad Nawi, Rektor UiTM (Terengganu), untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang pencapaian UiTM (Terengganu) dan program GraCe 2016.

menerusi penyewaan gerai atau ruang niaga untuk menjual barang tertentu, seperti madu lebah kelulut dan sarang burung walit. Program sewaan gerai ini dikenali sebagai Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) atau Pusat Transformasi Keusahawanan (ETC atau Karah Mall). Tidak ketinggalan, dari aspek kualiti, Penilaian Anugerah Rektor (PAKAR) disediakan untuk penilaian setiap bahagian dan fakulti, manakala Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) disediakan untuk penilaian keseluruhan pada peringkat UiTM.

DK: Apakah keunikan UiTM (Terengganu)?

Prof.: Dan segi fizikal, UiTM (Terengganu) dikelilingi oleh tasik, laut, bukit dan hutan rekreasi. Dari segi sumber manusia, kakitangan yang ada ini setia, saling bekerjasama, mempunyai semangat keketiaan yang kuat dan tahan lasak untuk menghadapi setiap cabaran.

Dari aspek keusahawanan pula UiTM (Terengganu) melaksanakan usaha untuk menjana pendapatan

DK: Apakah konsep dan matlamat penyelidikan UiTM (Terengganu)?

Prof.: Penyelidikan ialah agenda utama, iaitu untuk menggalakkan keserjanaan dalam kalangan pensyarah. Perkara ini dibuktikan menerusi penubuhan Institut Penyelidikan Pengurusan dan Inovasi (IRMI). Pada peringkat kampus pula Bahagian Penyelidikan, Jaringan, Industri dan Alumni (PJIA) yang mempunyai Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU), ditubuhkan.



Profesor Madya Dr. Abdul Samad Nawi bergambar di hadapan koleksi piala dan pingat yang diperolehi oleh UiTM (Terengganu).

Bahagian ini memastikan penyelidikan dilakukan secara berterusan dan penulisan yang dihasilkan berkualiti. Malah, bahagian ini turut menyediakan latihan khidmat untuk perundingan dan pengkomersialan dan membantu menghasilkan modal insan menerusi geran penyelidikan, iaitu pelajar doktor falsafah, pelajar sarjana dan pelajar sarjana muda, yang mampu memberikan impak yang tinggi kepada universiti.

Yang sebenarnya, penyelidikan di UiTM (Terengganu) bermula sebelum UiTM diisytiharkan sebagai universiti. Pada waktu itu, tanggungjawab untuk melakukan penyelidikan diberikan kepada Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan (URDC). Kemudian, unit ini ditukar kepada Ufit Pengurusan Penyelidikan (RMU).

Objektif penubuhan RMU adalah untuk menggalakkan pensyarah

melakukan penyelidikan dan perundingan, membantu pensyarah mendapatkan geran dalam dan luaran, membantu memberikan latihan dalam penyelidikan dan perundingan dan membantu mengkomersialkan hasil penyelidikan.

DK: Apakah sumbangan UiTM (Terengganu) terhadap pembangunan Terengganu?

Prof.: Pelbagai sumbangan diberikan dengan adanya kepakaran di UiTM (Terengganu), sama ada dalam bidang sains teknologi dan sains sosial. Pakar yang terdiri daripada pensyarah PhD yang melebihi 30 orang dan pensyarah kanan dalam bidang tertentu terlibat dalam penyelidikan dan perundingan untuk membantu kerajaan negeri.

Antara sumbangan yang diberikan termasuklah melakukan kerjasama atau lawatan kerja antara UiTM dengan Majlis Agama Islam dan Adat Terengganu (MAIDAM), Pusat Transformasi Rakyat (PUTRA) dan TSIS. Penyelidikan dengan MAIDAM pula dilakukan untuk mewujudkan profil asnaf. Masjid pula ditawarkan khidmat rundingan dari segi pengurusan kewangan.

Di samping itu, pakar yang terdiri daripada pensyarah ini menjadi sebahagian daripada Ahli Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi Negeri Terengganu dan Ahli Jawatankuasa Pelarasan Kajian Sains Institusi Pengajian Tinggi Awam Terengganu untuk mengkaji penyelidikan sains yang memberikan impak kepada Terengganu.

DK: Apakah Peranan UiTM (Terengganu) untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke Terengganu?

Prof.: UiTM (Terengganu) ialah satu daripada kampus cawangan yang mempunyai Hotel UiTM, iaitu bersebelahan dengan UiTM (Terengganu) Kampus Dungun. Hotel ini ialah aset yang dapat membangunkan industri pelancongan di Terengganu dan di Dungun khususnya. Hotel ini

mempunyai 44 bilik tamu, satu dewan utama, satu dewan bankuet kecil dan sebuah restoran. Hotel UiTM ini diuruskan oleh Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan.

Pihak universiti giat bekerjasama dengan agensi pelancongan untuk menganjurkan aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan di tempat * pelancongan utama di Terengganu, seperti inap desa dan bercuti ke pulau peranginan. Menerusi perjanjian persefahaman dengan universiti luar negara pula acara tahunan yang bertaraf antarabangsa, seperti persidangan, pameran, pertandingan inovasi dan seminar akademik, dianjurkan.

Di samping itu, program pengajian dalam bidang pelancongan dan hospitaliti pada pelbagai peringkat pengajian di bawah Fakulti Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan sentiasa dikenal pasti dan dibangunkan. Ada juga program pertukaran pelajar dan staf akademik antarabangsa yang diadakan pada setiap tahun.

Selain itu, staf akademik sentiasa digalakkan berkarya menerusi penulisan, penyelidikan dan penerbitan ilmiah dalam majalah dan akhbar tempatan, serta antarabangsa tentang daya tarikan dan keunikan produk pelancongan yang ada di Terengganu.

DK: Apakah usaha untuk menjadikan UiTM (Terengganu) disedari di Terengganu?

Prof.: UiTM (Terengganu) banyak bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk mempromosikan jejajah pendidikan tinggi. Selain produk pelancongan negeri, program yang ditawarkan di UiTM (Terengganu) dipromosikan dan diperkenalkan dalam jejajah ini. Pihak universiti juga terlibat dalam program Terengganu Indah yang diadakan di Johor Baharu pada awal tahun 2016 sebagai usaha untuk mempromosikan Tahun Melawat Terengganu 2017.

Antara aktiviti lain yang dianjurkan pula termasuklah kolaborasi program

amal bersama-sama Aman Palestin, Persidangan dan Pertandingan Inovasi, Reka Cipta dan Reka Bentuk Antarabangsa (ICON), Pertandingan Projek Pendidikan Inovasi (EPIC), Persidangan Akademik Antarabangsa (IAC) dan Persidangan Ekonomi dan Perniagaan Antarabangsa Terengganu (TiBeC) 2016.

DK: Apakah strategi untuk menjadikan UiTM (Terengganu) antara universiti terunggul di Malaysia?

Prof.: Mengadakan projek atau program bertaraf antarabangsa, seperti pertandingan inovasi, persidangan, program amal dan memorandum persefahaman dengan universiti luar negara, seperti Indonesia, Kazakhstan dan Jepun.

Selain itu, menjadikan UiTM (Terengganu) sebagai universiti pertama di Pantai Timur yang melakukan kajian penggunaan kincir angin bagi penjaanan tenaga elektrik. Secara tidak langsung, kajian ini membantu menjana pendapatan untuk universiti serta perkongsian pintar bersama-sama dengan komuniti dan organisasi lain yang berkaitan.

Tidak ketinggalan, pelajar dan pensyarah digalakkan untuk terlibat dalam pertandingan inovasi dan pembentangan kertas kerja pada persidangan yang diadakan di dalam dan di luar negara, serta penerbitan dalam jurnal berindeks untuk meningkatkan kebolehlihatan UiTM (Terengganu).

DK: Apakah produk yang berjaya dipatenkan dan dikomersialkan?

Prof.: Satu produk telah dipatenkan, iaitu Sistem Pengcucialian Kredit dalam Talian (OCES). Satu produk masih dalam permohonan paten, iaitu Aparatus Pelabalan Spina. Dua produk didaftarkan sebagai Akuat Berkanun (SD), iaitu Sistem Amanah Tugas Akademik (SATA). Selain itu, ada juga Kursus Perakunaan Multimedia Interaktif: Perakunaan Kewangan Asas untuk

Pelajar Baru dan satu produk dalam proses pengkomersialan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), iaitu *Fiddlehead Fern Noodle*.

► **DK: Bagaimanakah UiTM (Terengganu) ditubuhkan?**

Prof.: Pada 1 Julai 1975, UiTM Kampus Dungun ditubuhkan di Sura Gate, Dungun, Terengganu. Kampus sementara yang berkeluasan 17 ekar ini ialah peninggalan Syarikat Bijih Besi yang disewa daripada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PERMINT).

Pada masa itu, ada sebanyak 22 bangunan kayu yang digunakan sebagai bangunan pentadbiran, bilik kuliah, perpustakaan dan asrama siswi. Beberapa bangunan, seperti di Union Club, Sungai Udang dan Sungai Buaya pula dijadikan sebagai asrama siswa.

Pengubahsuaian bangunan dan pembinaan bangunan tambahan di Sura Gate juga dilakukan bagi menampung keperluan pelajar dan staf. Pengubahsuaian ini merangkumi sebanyak lima buah bangunan lama yang dijadikan sebagai bilik kuliah, ruman residen staf dan surau, serta dua buah stor lama dijadikan sebagai dewan makan dan dua blok makmal serta pusat rekreasi pelajar.

Walaupun kampus tetap di Sura Hujung dibina pada tahun 1982, kampus Sura Gate masih digunakan untuk Kajian Sains Keselamatan dan Sijil Perkhidmatan Hotel dan Restoran. Pada 30 April 1998, setelah beroperasi dalam tempoh hampir 23 tahun, kampus Sura Gate dikembalikan kepada kerajaan negeri sepenuhnya.

Sehubungan dengan itu, semua aktiviti dan penempatan pelajar berpusat di kampus Sura Hujung. Pada 19 Oktober 1978, pelantikan batu asas kampus tetap UiTM Kampus Dungun disempurnakan oleh Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah di Sura Hujung.

Kawasan ini berkeluasan 1 306 536 meter persegi, iaitu 342 536 meter persegi di kawasan yang bersempadan dengan pantai Laut China Selatan dan 964 ribu meter persegi di kawasan bukit Seberang Sura. Pembangunan kampus

tetap di Sura Hujung dilaksanakan secara berperingkat menerusi beberapa fasa. Kini, UiTM (Terengganu) Kampus Dungun membangunkan seluruh kawasan di belah pantai dan 500 ribu meter persegi di seberang tasik.

► **DK: Apakah tahap kebolehpasaran graduan UiTM (Terengganu)?**

Prof.: Amat memberangsangkan. Berdasarkan kajian keberkesanan graduan pada sesi konvokesyen jumlah graduan yang bekerja selepas tamat pengajian meningkat sebanyak dua peratus. Peratusan ini kecil kerana banyak pelajar menyambung pengajian hingga peringkat yang lebih tinggi, terutamanya bagi pelajar lepasan diploma.

Selain itu, ada pelajar yang memilih untuk bekerja selepas tamat pengajian di Petronas, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL @ KLSE), menjadi selebriti hiburan atau makanan (chef), menjadi usahawan menerusi program Tunas Mekar atau menyambung perniagaan keluarga, bekerja di Talent Corp, Kementerian dan Chef di hotel.

► **DK: Apakah nilai tambah yang diperoleh oleh pelajar UiTM (Terengganu)?**

Prof.: Pelajar didedahkan dengan kemahiran penyelidikan, perundingan, keusahawanan dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Ada alumni dan pelajar yang diberi peluang untuk menguruskan bangunan burung walet, gerai pelajar dan kafeteria, serta menganjurkan karnival. Pelajar juga diberi peluang untuk mempamerkan hasil kerja dan pencapaian yang diperoleh dalam pameran yang dianjurkan.

Pelajar didedahkan dalam pertandingan antarabangsa untuk membiasakan diri dalam keadaan ini dan menjadikan mereka lebih positif. Secara tidak langsung juga pelajar

diberi peluang untuk menjulang nama negara pada peringkat dunia dan menjadi pelapis untuk generasi masa hadapan.

Pelajar juga didedahkan dengan ilmu kepimpinan dengan menjadikan UiTM (Terengganu) sebagai kolej yang diuruskan oleh pelajar di bawah seliaan Pegawai Hal Ehwal Pelajar.

► **DK: Apakah yang dimaksudkan dengan program mengubah destini anak bangsa?**

Prof.: Program yang diilhamkan oleh Tan Sri Dato' Seri Profesor. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, Naib Canselor UiTM, hasil cubaan idea oleh Dato' Seri Haji Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada pelajar Bumiputera yang tidak berkemampuan dan tidak memenuhi syarat untuk memasuki program diploma atau matrikulasi UiTM. Sebanyak dua kursus ditawarkan, iaitu Pra Perdagangan dan Pra Sains.

Antara tujuan utama program ini termasuklah mengubah landskap masa hadapan anak Melayu dan Bumiputera yang miskin dengan memberikan bantuan pembangunan diri dan motivasi, bantuan kewangan dan lain-lain bantuan atau sokongan, sama seperti pelajar UiTM yang lain.

► **DK: Apakah kebaikan penganjuran GraCE 2016 terhadap UiTM (Terengganu)?**

Prof.: Menerusi GraCE 2016 UiTM (Terengganu) dapat menonjolkan kepakaran dalam bidang sains sosial dan sains teknologi, penerbitan dalam prosiding dan jurnal kepada universiti luar, industri dan Kementerian. Selain itu, universiti juga dapat meluaskan jalinan rangkaian, meningkatkan keyakinan diri graduan ketika membentangkan kertas kerja atau pameran poster penyelidikan. □

Fakta UiTM (Terengganu)

- Johan Kampus Negeri Anugerah Kualiti Naib Canselor 2015
- Johan Kampus Keusahawanan Terbaik 2015 dan 2013
- Anugerah Kampus Dinamik dalam E-Kandungan
- Memenangi tujuh pingat emas pada Kejohanan Sukan Mahasiswa (KARISMA 2015)